

# KAMPUNG PENDATANG DI TENGAH KL


Etnik Rohingya 'jajah'  
tanah kerajaan, buat macam  
kampung sendiri

Oleh AZMI NORDIN

KUALA LUMPUR – Ratusan pendatang asing yang majoriti etnik Rohingya naik tocang apabila menjadikan tanah milik kerajaan di tengah-tengah ibu negara seperti kampung halaman mereka sendiri.

• BERSAMBUNG DI MUKA 2

— MUHAMMAD IQBAL ROSLI



SEORANG PATI ditahan selepas cuba menyorok di sebalik timbunan besi dan barangan terbuang ketika serbuan pihak berkuasa.



SEBAHAGIAN PATI yang ditahan dalam operasi bersepadu berhampiran Lebuhraya Duke di Sentul, Kuala Lumpur tengah malam semalam.

## Kampung pendatang di tengah KL

### DARI MUKA 1

Penempatan haram yang 'dijajah' berhampiran Lebuhraya Duta-Ulu Klang (Duke) di Sentul, di sini sejak empat tahun lalu itu bukan sahaja dijadikan tempat tinggal, malah pendatang asing tanpa izin (PATI) turut bercucuk tanam serta memelihara ternakan.

Tidak cukup dengan itu, penempatan mereka turut dilengkapi kemudahan kedai runcit sendiri yang menjual barangan seperti daun sirih dan juga minyak masak peket bersubsidi.

Perkampungan haram itu akhirnya diserbu dalam operasi bersepadu Jabatan Imigresen melibatkan pelbagai agensi pe-

nguat kuasa kira-kira pukul 12.30 tengah malam semalam.

Dalam serbuan itu, ada warga asing yang cuba melarikan diri dengan memanjat bumbung dan menyorok di sebalik timbunan besi dan barangan terbuang, namun berjaya ditahan.

Tinjauan *Kosmo!* yang mengikut serbuan tersebut mendapati, PATI dilihat telah membina reban itik dan ayam dipercayai untuk menyara kehidupan komuniti mereka selain terdapat lima buah kedai runcit.

Selain itu terdapat sekitar 20 hingga 30 buah rumah dibina di atas tanah milik kerajaan itu.

Seorang etnik Rohingya yang ingin dikenali sebagai Amir ke-

tika ditemui berkata, dia membayar sewa sebanyak RM300 untuk sebuah bilik kepada rakyat tempatan setiap bulan.

Katanya, bilik itu didiami bersama keluarganya selepas dipelelaw oleh rakan senegara yang bekerja di kawasan berdekatan.

"Sudah 10 tahun di Malaysia, sekarang sudah kahwin dan ada tiga anak. Saya bekerja dengan ambil upah cuci pinggan RM50 sehari. Dahulu kerja tukang cuci gaji RM1,000, tapi sudah kena berhenti," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Ruslin Jusoh berkata, dalam operasi bersepadu itu, pihaknya menahan 124 warga asing yang

berasal dari Myanmar, Indonesia dan India untuk pemeriksaan.

"Mereka terdiri daripada 95 warga Myanmar termasuk 14 kanak-kanak lelaki dan 18 kanak-kanak perempuan bersama ibu mereka. Ada juga tiga warga Indonesia bersama beberapa lagi belum dikenal pasti (kira-kira lima orang) turut ditahan. Majoriti ditahan etnik Rohingya

"Kami juga memeriksa 21 warga India yang baru pulang dari kerja, namun mereka memiliki permit kerja sah," katanya pada sidang akhbar di lokasi serbuan.

Tambahnya, serbuan mendapati antara kesalahan utama dikesan adalah tidak mempunyai pasport, pas kerja tamat tempoh

serta tinggal lebih masa.

Katanya, temu bual terhadap PATI yang ditahan turut mendapati mereka mendakwa telah menyewa tempat itu daripada orang tempatan.

"Justeru, Jabatan Imigresen akan bekerjasama dengan agensi lain untuk mengenal pasti siapa yang menyewakan tanah ini, sedangkan tempat ini bukan milik mereka," ujarnya.

Operasi bersepadu itu turut melibatkan Pasukan Gerakan Am Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Pendaftaran Negara dengan kekuatan 229 pegawai serta anggota.